



PANTAU: Profesor Dr Jualang memantau urusan penghantaran pulang pelajar UMSKAL.



GEMBIRA: Pelajar gembira pulang ke kampung halaman masing-masing.

Urusan penghantaran pulang pelajar UMSKAL berjalan lancar

UB 10.05.2020 P1

LABUAN: Urusan penghantaran pulang pelajar Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) ke Semenanjung Malaysia pada 9 Mei 2020 berjalan lancar.

Seramai 302 pelajar UMSKAL berlepas dari Lapangan Terbang Labuan kira-kira pukul 3.20 petang.

Turut bersama mereka ialah lima pelajar Kolej Matrikulasi Labuan (KML) dan lima lagi pelajar Insti-

tut Latihan Perindustrian Labuan (ILP).

Selepas mendengar taklimat daripada Pegawai Sektor Hal Ehwal Pelajar (SHEP) dan Pegawai Polis di Dewan Utama, semua pelajar terabit kemudian menaiki bas yang menunggu mereka di Padang Kawad UMSKAL.

Perjalanan ke Lapan-gan Terbang Labuan dari UMSKAL pukul 9.45 pagi berjalan lancar dengan iringan kenderaan polis.

Sementara itu, Pengarah UMSKAL, Profesor Dr Jualang @ Azlan Abdul-lah Gansau merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Wilayah Persekutuan Labuan yang diketuai Pengerusinya, Dr Fary Akmal Osman yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan.

◆ **Lihat Muka 2**